



فندفتر فرسانوان نلاپن ملپسيا

PENDAFTAR PERSATUAN NELAYAN MALAYSIA

D/A LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
LEVEL 1, WISMA LKIM, JALAN DESARIA, PULAU MERANTI,
47120 PUCHONG, SELANGOR.
TEL : 03-8064 9000 FAX : 03-8060 2357

BIL. KAMI : LKIM : DF406/13/1 Jld. 1 (13)

BIL. TUAN :

Kepada : Pengurus-pengurus Besar
PNK/PNN/NEKMAT

Tuan/Puan,

**PERKARA: ARAHAN PENDAFTAR Bil. 2/2018
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TERAUDIT TAHUN
2017 KE PEJABAT PENDAFTAR DAN PENGELUARAN
ULASAN/PANDANGAN PENDAFTAR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa mulai tahun 2018 semua Penyata Kewangan Teraudit PNK/PNN/NEKMAT bagi tahun kewangan 2017 berserta anak syarikat (jika ada) hendaklah diserahkan terus kepada Pejabat Pendaftar untuk tujuan semakan pengeluaran Ulasan/Pandangan Pendaftar.
3. Oleh itu Pengurus-pengurus Besar PNK/PNN/NEKMAT hendaklah memastikan tiada apa jua kesilapan di Penyata Kewangan Teraudit yang di buat sebelum dihantar ke Pejabat Pendaftar.
4. Pendaftar akan mengeluarkan Ulasan/Pandangan Pendaftar mengikut keutamaan (tarikh penyata akaun teraudit diterima oleh Pejabat Pendaftar) memandangkan masa MAT agak terhad. Untuk makluman, Ulasan/Pandangan Pendaftar bukan lah menjadi syarat akaun-akaun teraudit boleh diluluskan tetapi Ulasan/Pandangan perlu dijawab kepada Pendaftar sebelum berakhir tahun kewangan ianya dibentangkan.

[Sambungan: LKIM : DF406/13/1 Jld. 1 (18)]

5. Untuk itu, lima (5) salinan perlu disediakan oleh Firma Audit yang dilantik seperti berikut:-

- i. Satu salinan untuk PNK
- ii. Satu salinan untuk Penyelia Negeri
- iii. Satu salinan untuk Pengarah PMN
- iv. Satu salinan untuk Pejabat Pendaftar, Persatuan Nelayan Malaysia, Tingkat 1, Wisma LKIM.
- v. Satu salinan untuk Firma Audit

6. Dengan pengeluaran arahan ini, surat LKIM: DF404/764/1(79) bertarikh 27 Disember 2010 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(KHAIRONNESAK BINTI OMAR)

Penolong Pendaftar,
Persatuan Nelayan Malaysia

- s.k.
1. Pendaftar
Persatuan Nelayan Malaysia
 2. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)